

21/07/1999

Pemuda temui Ku Li gempur Kelantan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dan jentera pilihan raya Pemuda Kelantan, esok untuk menggerakkan jentera yang lama disediakan bagi menggempur kerajaan Pas di Kelantan.

Pertemuan yang diadakan serentak itu akan diketuai Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Ini adalah kali pertama Pemuda Umno membuat kunjungan hormat kepada Tengku Razaleigh sejak beliau dilantik Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan.

Hishammuddin berkata, selain mengadakan pertemuan itu, kepemimpinan Pemuda Kelantan akan bersama-sama menyertai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam program bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Kelantan, Jumaat ini di sebuah hotel di Kota Bharu.

Katanya, petangnya, beliau dan seluruh kepemimpinan Pemuda Kelantan akan menyertai Perdana Menteri pada perjumpaan pemimpin bersama rakyat.

"Saya dijadualkan ke Sabah pada malamnya bagi mengadakan perjumpaan bersama Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam serta menghadiri program Pemuda BN peringkat negeri Sabah.

"Gerak kerja ini berikutan keputusan mesyuarat Pemuda baru-baru ini untuk memberikan sepenuh tumpuan bagi menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

"Persiapan dari segala segi sama ada di peringkat kepemimpinan dan ahli Pemuda di seluruh negeri amat baik, bersedia dan bersemangat," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

(END)